



ALBUM ... Para graduan STPM Maktab Sabah sempat merakamkan kenangan bersama Kasim (duduk tengah) dan guru-guru sekolah itu.

# Kecemerlangan pelajar dinilai dari semua aspek

11/3/11 2011 B1

Oleh SITI AISYAH NARUDIN  
aisyahub@gmail.com

pencapaian cemerlang dalam pelajaran.

Menurutnya, memperolehi keputusan cemerlang dalam peperiksaan adalah penting bagi meneruskan cita-cita untuk menuntut ilmu di peringkat yang lebih tinggi.

Beliau berkata, bagi peperiksaan seperti Sijil Tinggi Pelajaran Malaysia (STPM), ia adalah tiket yang melayakkan seseorang pelajar untuk memasuki universiti.

Ini kerana di universitilah para pelajar memulakan pengajian dari peringkat ijazah,

(Gambar kanan) PENDORONG ... Ahli keluarga Siti turut hadir untuk sama-sama meraikan kejayaannya.

(Gambar bawah) CEMERLANG ... Mohd Farezuan Mohd Norfaizin menerima Anugerah Kokurikulum atas kecemerlangannya sebagai atlet sukan Maktab Sabah.



sarjana dan

kemudiannya peringkat doktor falsafah. "Walau

bagaimanapun, dalam memenuhi kehendak kerjaya hari ini, para pelajar juga perlu mempunyai pelbagai kemahiran untuk berjaya," katanya.

Beliau berkata demikian ketika berucap merasmikan majlis Graduasi STPM Maktab Sabah 2010 di sini



kelmarin.

Kasim berkata, selain memiliki kemahiran dalam komunikasi atau teknologi maklumat (IT), para pelajar juga perlu mempunyai pakej tertentu dari segi pencapaian kokurikulum sebagai persaingan dengan pelajar lain.

"Dengan adanya keseimbangan berkenaan, pelajar mampu menjadi modal insan kelas pertama seperti yang diharapkan demi kemakmuran dan kesejahteraan negara," katanya.

Tambahnya, dalam menghadapi persaingan sengit dunia global, negara memerlukan modal insan yang mahir dalam pelbagai bidang pengetahuan.

Selain itu, beliau turut mengingatkan kepada para pelajar Maktab Sabah agar meneruskan tradisi kecemerlangan sekolah itu yang mampu melahirkan

(Gambar atas) TAHNIAH... Penerima Anugerah Graduan Terbaik Keseluruhan, Siti Rasna Sierra Rasmat ketika menerima hadiah daripada Kasim.



Beliau berharap, prestasi kecemerlangan yang dicapai tahun ini menjadi cabaran kepada semua pihak khususnya calon STPM tahun ini.

Nuinda percaya komitmen dan sokongan yang tinggi daripada semua pihak akan membantu meneruskan kecemerlangan itu.

Penerima Anugerah Graduan Terbaik Keseluruhan, Siti Rasna Sierra Rasmat berjaya memperolehi pencapaian PNGK 3.83 yang mana ia adalah keputusan kedua terbaik STPM di Sabah tahun 2010.

Bagi Siti, para pelajar sepatutnya tidak leka dan memahami tujuan sebenar untuk ke sekolah serta mampu menguruskan masa dengan baik.

"Saya mengambil pengalaman semasa peperiksaan Sijil Pelajaran Malaysia (SPM) yang mana ketika itu saya agak leka, namun saya sedar tentang keadaan itu dan cuba untuk buat yang terbaik untuk STPM," katanya yang berasal dari Telupid, Sandakan.

Anak ketujuh daripada 10 orang adik-beradik ini memilih bidang Pendidikan Sains Sosial di UMS sebagai pilihan pertamanya untuk melanjutkan pelajaran ke universiti.

pelajar cemerlang.

Jelasnya, kejayaan yang diperolehi adalah hasil komitmen dan kerjasama semua pihak terutamanya pelajar, guru dan ibu bapa.

Beliau percaya majlis graduasi itu mampu menjadi pembakar semangat kepada pelajar yang bakal menduduki STPM tahun ini dengan tahap keyakinan yang tinggi.

Sementara itu, Pengetua Maktab Sabah, Nuinda Alias berkata seramai 74 calon sekolah itu yang mengambil STPM tahun lalu yang mana peratusan lulus meningkat kepada 97 peratus berbanding 95 peratus tahun sebelumnya.

"Ini adalah keputusan terbaik yang dicapai Maktab Sabah dalam tempoh beberapa tahun ini dengan Gred Purata Sekolah (GPS) sebanyak 2.33," katanya.

GRADUAN...Sebahagian pelajar yang berjaya menerima sijil masing-masing pada majlis itu.

